

Kejadian banjir yang berlaku di Seri Serdang menyebabkan penduduk rasa fobia bila hujan lebat.



Tak tahan kena banjir

Penduduk tidak sanggup lagi tanggung kepayahan, perabot habis rosak

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SERDANG RAYA – “Sejak tinggal di sini, empat kali saya terpaksa tukar perabot kerana banjir,” kata Timbalan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Kembang Sari Fasa 2B, Abdul Rahman Bachik menceritakan kepayahan dihadapi penduduk setiap kali bencana itu melanda kawasan perumahan diduduki.

Dia mula menduduki perumahan tersebut sejak tahun 1985, dua tahun kemudian kepayahan akibat banjir kilat mula dirasainya sekeluarga. Adakala air bertakung hampir tiga jam tidak surut menyebabkan peralatan dalam rumah terendam dan rosak.

“Mungkin sebab ‘culvert’ longkang yang dah lama tak dapat lagi tampung jumlah air. Saya minta sangat masalah ini diselesaikan segera,” katanya.

Sementara itu, penduduk Taman Kembang Sari, Abd Razak Sulaiman, 63, memberitahu longkang dipenuhi sampah kemungkinan mengundang faktor banjir di situ.

Sejak beberapa tahun lalu, dia jarang melihat kontraktor pembersih-

an membersihkan longkang di perumahan didudukinya.

Berbeza pula dengan apa yang sering dilihatnya, ada pekerja warga asing memakai pakaian tertera perkataan kontraktor pembersihan majlis perbandaran datang menyelongkar timbunan sampah memilih barang lusuh untuk dijual. Apabila penduduk minta mereka lakukan pembersihan, pekerja itu meminta upah bayaran.

“Dulu dua, tiga bulan sekali pasti ada pekerja datang membuat pembersihan longkang tapi kebelakangan ni jarang nampak, akhirnya penduduk terpaksa bersihkan sendiri,” katanya.

Menurutnya, jika isu banjir gagal ditangani ia akan menjejaskan imej Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang mendapat pengiktirafan lima bintang dan diumumkan menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di negara ini, baru-baru ini.

“Mereka perlu kenal pasti apa punca banjir berlaku, mungkin ia bersangkutan-paut dengan apa yang saya kata,” katanya menyuarakan isu tersebut pada program ‘Town Hall MPSJ’ yang dianjurkan di Kompleks 3K Serdang

Raya, di sini.

MPSJ jawab persoalan

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Asmawi Kasbi ketika menjawab persoalan dalam program tersebut berkata, beliau maklum kesukaran dihadapi penduduk selepas berdepan tragedi banjir kilat pada September 2012 dan April lalu.

Apatah lagi Sekolah Menengah Sri Indah, Sekolah Kebangsaan Sri Serdang dan Jalan Seri Serdang Utara juga terlibat banjir.


Turut sering berdepan insiden sama perumahan di Jalan 18/55; 18/56; 18/58 Taman Seri Serdang, Jalan Raya 5; Jalan Raya 6, Serdang Jaya dan sebahagian perumahan Jalan 3 hingga 5, Serdang Jaya. Sebahagian perumahan di Taman Serdang Lama juga kerap dinaiki air.

Sri Serdang menerima kadar kuantiti air yang tinggi dari beberapa kawasan saliran utama termasuk beberapa lebuh raya, kolam tadahan Universiti Putra Malaysia (UPM), Desa Serdang dan Serdang Lama.

“Punca banjir sebab hujan lebat melebihi paras biasa iaitu hampir 100mm, aras Sungai Kuyoh melebihi paras berjaga-jaga dan kapasiti longkang tak dapat tampung kuantiti air. Longkang yang penuh sampah t juga punca banjir berlaku,” katanya.

Asmawi berkata, MPSJ dilantik kerajaan negeri sebagai penyelaras bagi perancangan beberapa projek tebatan banjir di Taman Seri Serdang pada tahun lalu.

Pinjaman sebanyak RM8.7 juta dibuat bagi pelaksanaan lapan projek tersebut. Peruntukan itu dibahagikan pula kepada tiga agensi (MPSJ, Majlis Perbandaran Kajang serta Jabatan



Pelan menunjukkan punca air yang menjadi faktor kejadian banjir.

Pengairan dan Saliran) yang terlibat dalam projek berkenaan.

“Dalam hal ini, JPS melaksanakan skop kerja terbesar membabitkan kos sebanyak RM7.7 juta. Ia termasuk mendalamkan Sungai Kuyoh, membina rumah pam tetap di SK9, menaik taraf kolam takungan sedia ada serta menaik taraf sistem saliran dalaman termasuk outlet dari kawasan perumahan dan industri.

“MPSJ bertindak menaiktaraf sistem perparitan, melakukan pembersihan dan pembaikan longkang utama serta menaik taraf pembetung di Taman Sri Serdang. Manakala MPKJ pula akan membina kolam takungan untuk atasi masalah banjir di Taman Harmoni, Bukit Belimbing, Balakong,” jelasnya.

Menurutnya, sebahagian projek sudah dilaksanakan manakala selebihnya dalam proses penyediaan reka bentuk sebelum tender dikeluarkan.

“Bagi pembinaan kolam tadahan, kita hanya tunggu kebenaran UPM untuk memasuki kawasan tanah itu, selepas dapat kelulusan, projek dijangka akan mula dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan lagi,” katanya.



ASMAWI



RAHMAN



Penduduk ketika menyuarakan persoalan mengenai isu banjir pada program Town Hall Meeting MPSJ